

Orang ramai terharu dapat bersalaman dengan Dr. M

UM 22 JUN 2003

KUALA LUMPUR 21 Jun – Ratusan orang ramai yang bersesak-sesak di lobi Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) terharu kerana dapat bersalaman dengan pemimpin kesayangan mereka Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO Ke-54.

Mereka yang terdiri dari pelbagai peringkat usia terpaksa menunggu lebih sejam setengah dengan herharis di sebelah kiri permaidani merah yang dibentang sebagai laluan sebelum berpeluang berbuat demikian dalam keadaan hcrasak-asak.

Malah, suasana sedemikian bermula sebelum ucapan penggulungan Presiden UMNO untuk tidak melepaskan peluang melihat dan bersalaman dengan pemimpin yang dikasihi itu.

Sebaik sahaja lagu 'Negara Ku' dan diikuti selawat Nabi berakhir, orang ramai berpusu-pusu di depan pintu dewan sehingga memaksa anggota

keselamatan membuat benteng manusia.

"Sila beri laluan," kata salah seorang pengawai keselamatan berulang kali kepada orang ramai.

Sebaik presiden parti itu melangkah keluar, laungan "Hidup Mahathir!" dan "Hidup UMNO!" kedengaran bersahut-sahutan.

Scpanjang perjalanan Perdana Menteri dari Dewan Merdeka ke perkarangan PWTC, mereka yang memiliki kamera sendiri tidak melepaskan peluang mengamhii gambar kenangan selain beberapa orang yang menyampaikan bunga kepada Perdana Menteri.

Sungguhpun keadaan agak sesak, Dr. Mahathir tidak putus-putus memherikan senyuman kepada orang ramai yang herhempas pulas untuk cuba menghulurkan tangan bersalaman.

Golongan ibu bapa pula tidak melepaskan peluang membawa anak-anak

mereka melihat pemimpin tertinggi negara secara dekat kerana ini merupakan perhimpunan terakhir yang dihadiri oleh Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO.

Dalam keadaan itu, seorang kanakkanak, Intan Diyana Ujang, 12, yang menyimpan hasratnya sejak tahun tiga tahun lalu untuk bertemu Perdana Menteri, tercapai impiannya malam ini.

Abangnya, Muhd. Hairi Shah, bera-sa sebak dengan keprihatinan yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri kepada adiknya.

"Perdana Menteri sempat meluangkan kira-kira 30 saat menenangkan perasaan adik saya yang ketika itu menangis teresak-esak kerana amat teringin hersalam dengan pemimpin pujaan kami," katanya.

Sementara itu, sehaik Dr. Mahathir menghampiri kenderaannya, tiba-tiba seorang lelaki herteriak, "Perjuangan UMNO akan diteruskan sebagai tanda kasih kami kepada Datuk Seri."

Sebelum menaiki kereta itu, Dr. Mahathir sempat memeluk Timbalannya, Datuk Seri Abduliah Ahmad Badawi lalu menjulangkan tangan mereka berdua di hadapan orang ramai.